



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN CARAGAYA KEIBUBAPAAN DENGAN SALAH LAKU  
SEKSUAL REMAJA PEREMPUAN DI TAMAN SERI PUTERI**

**ZAINAB BINTI HAJI TAMBOL**

**FPP 2002 11**

**HUBUNGAN CARAGAYA KEIBUBAPAAN DENGAN SALAH LAKU  
SEKSUAL REMAJA PEREMPUAN DI TAMAN SERI PUTERI**

**Oleh**

**ZAINAB BINTI HAJI TAMBOL**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Master**

**April 2002**



## **DEDIKASI**

*Setulus dan sewangi ingatan buat,*

*Arwah ayahanda yang tercinta,  
Bonda yang dikasih,  
Adik – beradik yang istimewa  
Sahabat ISLAH yang dirindui*

*Buat kalian semua terima kasih atas pengorbanan, kasih sayang,  
dorongan, dan nasihat yang diberi  
sehingga sempurnanya tesis ini  
dan  
meraih kejayaan hingga ke tahap ini hari ini.*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN CARAGAYA KEIBUBAPAAN DENGAN SALAH LAKU  
SEKSUAL DI KALANGAN REMAJA PEREMPUAN DI TAMAN SERI PUTERI**

Oleh

**ZAINAB BINTI HAJI TAMBOL**

**April 2002**

**Pengerusi : Prof. Madya Datin Mizan Adiliah Bt Ahmad Ibrahim, Ph.D.**

**Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan.**

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan di antara caragaya keibubapaan dengan salah laku seksual di kalangan remaja perempuan di Taman Seri Puteri. Seramai 132 orang pelatih Taman Seri Puteri terlibat dalam kajian ini iaitu 43 orang dari Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak, 17 orang dari Taman Seri Puteri Cheras, Selangor dan 72 orang dari Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Sembilan.

Subjek-subjek dalam kajian ini dipilih secara persampelan rawak mudah. Alat ukuran yang direka oleh Schaefer pada tahun 1965, *Children's Report Parental Behavior Inventory* telah digunakan untuk mengukur caragaya keibubapaan di kalangan remaja. Sebagai tambahan, satu soal selidik yang ringkas digunakan untuk mengenalpasti pengalaman seksual responden remaja di Taman Seri Puteri. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program SPSS Windows 10.0. Kaedah statistik yang digunakan ialah peratusan, min, sisihan piawai, kekerapan, Anova, Ujian t dan korelasi pearson.

Keputusan kajian menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara caragaya keibubapaan dengan salah laku seksual di kalangan remaja di Taman Seri Puteri sama ada dalam aktiviti persetubuhan atau seksual bilazim. Hasil kajian juga mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan antara caragaya keibubapaan yang diamalkan oleh bapa dengan caragaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu remaja di Taman Seri Puteri. Dari segi sudut tingkah laku seksual implikasi daripada maklumat dalam kajian ini kepada sudut sosial ialah agar dapat dibuat satu garapan baru dari segi menghasilkan dan melaksanakan program pendidikan seks yang efektif. Program pendidikan tersebut hendaklah dibuat segera terutamanya oleh pihak yang bertanggungjawab dan berkuasa supaya masalah salah laku seksual dapat dibendung dari berleluasa.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIPS OF PARENTING STYLE WITH SEXUAL MISBEHAVIOUR AMONG ADOLESCENT GIRLS AT TAMAN SERI PUTERI**

**By**

**ZAINAB BINTI HAJI TAMBOL**

**April 2002**

**Chairperson : Prof. Madya Dr. Mizan Adiliah Bt Ahmad Ibrahim, Ph.D.**

**Faculty : Faculty of Educational Studies**

The objective of this study is to find out the relationship between parenting styles and sexual misbehavior among adolescent girls in Taman Seri Puteri. One hundred and thirty two trainees from Taman Seri Puteri were involved in this study. Forty three were from Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak, 17 trainees from Taman Seri Puteri Cheras, Selangor, and another 72 trainees were from Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Sembilan. The subject selection was based on simple random sampling.

The Children's Reports of Parental Behavior Inventory constructed by Schaefer in 1965 was chosen as the instrument to measure the parenting style of the adolescents. In addition, a simple questionnaire was done to study the sexual experiences of the respondents in Taman Seri Puteri. The data were analyzed using the SPSS Windows package. Statistics such as frequency, percentage, mean, standard deviation, Chi square, Anova, t- test and Pearson correlation were used.

The outcome of the study shows that the parenting style did not contributed to sexual misbehavior among adolescent girls in Taman Seri Puteri. This study also indicates that there are significant differences between father's and mother's parenting styles among the adolescents. The implication from the social point of view, is that a new plan for an effective sex education programme must be implemented as soon as possible especially by relevant authorities so that sexual problems could be controlled.

## PENGHARGAAN



Di dalam kesempatan yang begitu terbatas ini setinggi-tinggi kesyukuran di rafa'kan kehadrat Allah rabbal I'zzati kerana dengan izin dan rahmatnya maka tesis ini dapat disiap dan disempurnakan. Tidak dilupakan juga shalawat dan salam buat junjungan besar kekasih Allah Nabi Muhammad saw, ahli keluarga baginda dan jemaah sahabat, tabien dan seluruh kaum muslimin perjuang agama Allah.

Salam dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khas ditujukan buat Prof. Madya Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Dr. Maznah Baba dan Puan Asmah Ismail selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini. Sesungguhnya penulis amat menghargai segala tunjuk ajar, teguran, nasihat dan ketelitian ahli-ahli jawatankuasa terutama Prof. Madya Dr. Mizan selaku ketua jawatankuasa dalam memberi pengajaran dan didikan serta membetulkan kesalahan dan kesilapan yang dibuat oleh penulis

Namun tidak dilupakan juga buat seluruh pensyarah, tenaga pengajar khususnya di Fakulti Pengajian Pendidikan di atas segala keikhlasan dan kesungguhan dalam mencerahkan ilmu pengetahuan dan didikan kepada penulis. Juga setinggi apresiasi penulis garapkan buat seluruh pengetua dan kakitangan Taman Seri Puteri Batu Gajah, Taman Seri Puteri Cheras dan Taman Seri Puteri Rembau yang banyak membantu penulis dalam mengendalikan kajian ini. Semoga bantuan yang diberikan itu akan mendapat ganjaran yang baik di sisi Allah swt.

Junjungan kasih dan sulaman sayang ditujukan khusus buat bonda Hajah Long Bt. Mohd Jani di atas kesabaran, ketelitian dan kesungguhan mendidik penulis hingga berjaya ketahap ini. Juga kepada adik, adik ipar, abang, abang ipar dan kakak, kakak ipar di atas kefahaman dan keprihatinan yang banyak memberi

dorongan dan inspirasi kepada penulis untuk meneruskan perjuangan menuntut ilmu.

Tidak dilupakan sekalung terima kasih buat semua rakan-rakan seperjuangan dan Islah yang dikasihinya atas segala dorongan, nasihat, sokongan dan kasih sayang yang diberikan.

Akhirnya setinggi terima kasih dan penghargaan penulis ucapkan kepada semua yang terlibat dalam membantu penulis menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas budi dan jasa kalian.

Semoga kajian yang tidak seberapa sempurna ini sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada pencinta-pencinta ilmu.

**Zainab Bt. Haji Tambol**

April 2002.

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PENGAKUAN	xi
SENARAI KANDUNGAN	xii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SINGKATAN	xviii

## **BAB**

### **SATU PENDAHULUAN**

Pengenalan	1
Latar Belakang Masalah	1
Perkara yang Diingini oleh Remaja	4
Institusi-institusi yang Mempengaruhi Remaja	8
Pendekatan Teori	11
Model caragaya keibubapaan Baumrind	12
Penyataan masalah	19
Matlamat kajian	21
Objektif Kajian	22
Persoalan Kajian	23
Hipotesis kajian	24
Definisi Operasional	26
Caragaya keibubapaan	26
Salah laku Seksual	28
Remaja	28
Taman Seri Puteri	29
Sikap Seksual	30
Hubungan	31
Limitasi Kajian	32

Kepentingan Kajian	33
Rumusan	35
<b>DUA                    KAJIAN LITERATUR</b>	
Pengenalan	36
Kajian Caragaya Keibubapaan	37
Kajian Salah laku Seksual	65
Kajian Caragaya Keibubapaan dan Tingkah laku seksual	78
Rumusan	92
<b>TIGA                    METODOLOGI KAJIAN</b>	
Pengenalan	94
Reka Bentuk Kajian	94
Tempat kajian	95
Subjek Kajian	97
Populasi	97
Sampel kajian	98
Alat kajian	100
Bahagian A: Maklumat Diri	101
Bahagian B: Caragaya Keibubapaan	101
Bahagian C: Tingkah laku Seksual Remaja	105
Tatacara kajian	107
Penganalisisan statistik	110
Rumusan	120
<b>BAB 4                    DAPATAN KAJIAN</b>	
Pengenalan	121
Keputusan kajian	122
Profil Responden	122
Caragaya Keibubapaan	125
Salah laku Seksual	129
Sikap Seksual	132
Keputusan pengujian hipotesis	133
Rumusan	150

## **BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, LIMITASI DAN CADANGAN**

Pengenalan	152
Perbincangan keputusan kajian	152
Kajian Deskriptif	154
Kajian Inferensi	158
Berdasarkan Kajian Lalu	159
Implikasi kajian	164
Cadangan	167
Rumusan	178
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>181</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>190</b>
<b>VITA</b>	<b>206</b>

## **SENARAI JADUAL**

Jadual		Halaman
1	Populasi Responden Mengikut Taman Seri Puteri	97
2	Penentuan Saiz Sampel	100
3	Kaedah Pemarkatan Soal Selidik CRPBI	111
4	Penentuan Caragaya Keibubapaan Berdasar Skor Min	114
5	Kaedah Pemarkatan Sikap Seksual	117
6	Kaedah Pembahagian Sikap Seksual	117
7	Taburan Responden Mengikut Umur	122
8	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	124
9	Taburan Caragaya Keibubapaan	126
10	Taburan Caragaya Keibubapaan Mengikut Taman Seri Puteri	127
11	Perbezaan Min Caragaya Ibu dan Caragaya Bapa	129
12	Taburan Salah laku Seksual	130
13	Taburan Salah laku Seksual Mengikut Kategori	131
14	Taburan Sikap Seksual Responden	132
15	Hubungan Caragaya Keibubapaan Dengan Salah Laku Seksual-Persetubuhan	134
16	Hubungan Caragaya Keibubapaan Dengan Salah Laku Seksual Bilazim	135

17	Hubungan Caragaya Autoritarian Dengan Salah Laku Seksual-Persetubuhan	136
18	Hubungan Caragaya Autoritarian Dengan Salah Laku Seksual Bilazim	137
19	Hubungan Caragaya Autoritatif Dengan Salah Laku Seksual-Persetubuhan	138
20	Hubungan Caragaya Autoritatif Dengan Salah Laku Seksual Bilazim	140
21	Hubungan Caragaya Permisif Dengan Salah Laku Seksual-Persetubuhan	141
22	Hubungan Caragaya Permisif Dengan Salah Laku Seksual Bilazim	142
23	Hubungan Antara Caragaya Keibubapaan Dengan Sikap Seksual	144
24	Hubungan Sikap Seksual Dengan Salah laku Seksual Bilazim	145
25	Perbezaan Antara Caragaya Ibu Dengan Caragaya Bapa	146
26	Hubungan Sikap Sekual Remaja Antara Taman Seri Puteri	148
27	Keputusan Ujian Post-Hoc Sikap Seksual	149

## **SENARAI RAJAH**

Rajah	Halaman
1 Institusi-Institusi Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Remaja	8
2 Corak Keibubapaan Dua Dimensi Baumrind	16
3 Caragaya Keibubapaan Dan Kebolehan Sosial Remaja	17
4 Kerangka Kajian	18

## SINGKATAN

LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
CRPBI	Children's Report of Parental Behavior Inventory.
KPSR	Kajian Perilaku Sosial Remaja
SES	Status Sosio-ekonomi
SPSS	Statistical Package for the Social Science
ANOVA	Analysis of Variance
SP	Sisihan Piawai
r	Pearson Product Moment Correlation
F	Computed value of F test
Df	Degree of freedom
N	Bilangan subjek
JKD	Jumlah Kuasa Dua
P	Probability
X <sup>2</sup>	Min kuasa dua

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan beberapa perkara dasar berhubung dengan kajian yang dijalankan. Antara perkara yang dibincangkan itu ialah latar belakang tentang masalah yang dikaji, pendekatan teori, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, definisi pembolehubah, limitasi kajian dan kepentingan kajian. Melalui bab ini juga diharapkan gambaran berkaitan dengan kajian yang dibuat dapat dilihat dengan jelas.

#### **Latar Belakang Masalah**

Isu keruntuhan moral atau gejala sosial bukanlah fenomena baru dalam masyarakat. Setiap hari ada sahaja kejadian yang berlaku baik dalam bentuk jenayah, mahupun dalam bentuk salah laku yang menunjukkan gejala keruntuhan moral remaja dalam masyarakat. Kejadian yang berlaku seperti ponteng sekolah, tidak

menghormati orang tua, pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan hingga kepada bersekedudukan, pengguguran anak, lepak, bohsia dan bermacam-macam lagi sering menjadi bahan paparan di dada akhbar dan media massa yang lain. Seolah-olah perkara seperti ini merupakan perkara biasa dalam masyarakat hari ini. Dalam hal ini siapa yang harus dipersalahkan, ibu bapa, guru atau masyarakat?.

Perangkaan tahun 1993 mendapati bilangan kelahiran di luar nikah meningkat dua kali ganda dalam masa sepuluh tahun iaitu daripada 81000 kepada 211000, manakala bilangan gadis yang terlibat dalam maksiat juga meningkat daripada 325 kes pada tahun 1974 kepada 859 kes pada tahun 1995 (Dewan Masyarakat, 1997). Memang tidak dapat dinafikan terdapat banyak faktor yang mempengaruhi gejala ini. Walau bagaimanapun sejauhmanakah faktor keluarga atau ibu bapa mempengaruhi gejala sosial ini?.

Dalam perkara ini faktor ibu bapa perlu difokuskan kerana ia merupakan agen sosialisasi utama yang mempengaruhi mentaliti, sifat dan tingkah laku anak-anak. Melihat fenomena ini, seharusnya para ibu bapa perlu mempunyai ilmu keibubapaan agar dapat mendidik anak-anak dengan sebaik-baik didikan. Ini

kerana anak adalah anugerah Allah swt. Kesucian seorang bayi apabila keluar daripada rahim ibunya bukan untuk dicemari. Sebaliknya bayi yang diibaratkan kain putih, sepatutnya diwamaai oleh ibu bapa dengan kesucian dan kelembutan serta dibajai dengan akhlak mulia.

Ini menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan adalah penting untuk semua ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Menurut Fadhilah (1995) ibu bapa yang jahil pasti akan gagal membentuk anak-anak dengan cara yang baik. Bagi Rozumah Baharuddin (1987) ibu bapa yang mengamalkan penjagaan anak yang berkualiti akan mempunyai anak yang membesar dengan jayanya. Namun terdapat banyak faktor yang mempengaruhi ekspektasi dan hasrat untuk melahirkan generasi yang unggul dan cemerlang. Antaranya ialah aspek caragaya keibubapaan iaitu stil kepimpinan atau gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Menurut Rice (1997), keluarga adalah agen sosialisasi yang utama dan terpenting dalam perkembangan remaja. Ibu bapa yang tidak gembira dengan kerjayanya atau perkahwinan mereka akan memberi kesan tekanan kepada anak-anak mereka. Ini akan mengakibatkan kesan negatif ke atas

remaja dan kesalahan tingkah laku remaja juga menyebabkan stress kepada ibu bapa pula. Oleh itu, demi mencapai matlamat utama institusi keluarga, mestilah wujud integrasi hubungan antara ibu bapa dan anak-anak.

### **Perkara-perkara yang Diingini oleh Remaja**

Menurut Rice (1997), banyak perkara yang diingini oleh remaja daripada ibu bapa sebagai satu pengukuhan positif kepada pembentukan peribadi mereka. Salah satu darinya ialah remaja memerlukan kebebasan tetapi bukan sepenuhnya. Mereka masih memerlukan bimbingan dan nasihat daripada ibu bapa mereka. Salah satu cara ibu bapa membantu remaja melalui transisi ke alam dewasa ialah dengan mengekalkan imbangan antara keperluan keindividuan dan meneruskan ikatan emosi kepada keluarga.

Kebebasan yang diingini oleh remaja ialah kebebasan bertingkah laku dan kebebasan emosi. Kebebasan bertingkah laku adalah bebas untuk bertindak dengan sendirinya tanpa memerlukan tunjuk ajar atau bergantung kepada orang lain. Kebebasan emosi pula merujuk kepada kebebasan ikatan emosi kanak-kanak daripada ibu bapa. Bimbingan dan disiplin dari ibu

bapa mereka amat diperlukan oleh remaja. Ibu bapa dan remaja yang berjaya menghadapi konflik adalah mereka yang saling menunjukkan rasa hormat dan saling menghargai keperluan kedua-dua pihak serta sentiasa bertukar-tukar idea dan maklumat.

Selain itu, remaja juga inginkan agar ibu bapa mereka mempercayai apa yang mereka lakukan terutamanya berkenaan perkara peribadi seperti memilih kawan. Kebanyakkhan ibu bapa sukar untuk memberikan kepercayaan terhadap anak mereka. Ibu bapa cenderung memprojeksi ketakutan, kebimbangan dan rasa bersalah mereka terhadap anak-anak. Umpamanya ibu bapa takut anak-anak mereka berkawan dengan orang yang tidak dikenali kerana khuatir akan terpengaruh dengan anasir-anasir negatif. Ibu bapa yang mempunyai pengalaman pahit semasa membesar dikenal pasti mempunyai tahap kebimbangan yang lebih tinggi (Rice, 1996).

Dalam masa yang sama, remaja inginkan dirinya dihargai, diterima dan disukai oleh ibu bapa. Mereka inginkan ibu bapa mereka menyetujui mereka. Tiada remaja yang boleh berkembang dengan maju dalam atmosfera kritikan tanpa alasan yang konkret dan penolakan yang berterusan. Satu cara menunjukkan kasih sayang ialah dengan mengambil tahu dan

menerima remaja seadanya. Remaja inginkan ibu bapa menyukai apa yang dibuatnya dan memberikan sokongan moral dan emosi apabila diperlukan.

Tidak dinafikan komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan remaja dapat membantu menyelesaikan masalah antara ibu bapa dan remaja serta mengurangkan tekanan. Ibu bapa yang menunjukkan hormat terhadap pandangan remaja, akan mengurangkan konflik dan akan mewujudkan suasana rumah yang lebih baik. Keadaan inilah yang diingini oleh setiap remaja. Namun terdapat sesetengah ibu bapa tidak memberi peluang kepada anak remaja mereka untuk meluahkan perasaan atau pandangan mereka. Ini akan membentuk perasaan marah dan tertekan.

Lantaran itu, suasana persekitaran rumah yang menyeronokkan amat diperlukan oleh remaja untuk pembentukan peribadi yang baik. Penyesuaian remaja yang terbaik ialah mereka yang membesar dalam keadaan yang mengembirakan dan suasana penyayang di mana anak-anak menghabiskan masa yang menyeronokan bersama-sama ibu bapa mereka. Oleh itu, remaja inginkan ibu bapa yang boleh dibanggakan iaitu ibu bapa yang boleh dijadikan contoh dalam semua segi kehidupan. Ibu